

Lapan pegawai FPL timba ilmu di UMSKAL

VB 11-7-2019 B2
LABUAN: Seramai lapan pegawai Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan telah mengadakan lawatan sambil belajar UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Ketibaan rombongan FPL yang diketuai Timbalan Pendaftaranya, Dr Roslan Gimba disambut Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murni Haniffa.

Penolong Pendaftar Kanan, rombongan FPL dibawa ke Bilik Mesyuarat Eksekutif Aras 13 untuk mendengar taklimat yang disampaikan Zamri dan Penolong Pendaftar Kanan Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM) Mas Adi Alimin.

Turut hadir Penolong Bendahari Kanan Mohd Nazir Ab Manan.

Menurut Roslan, lawatan sambil belajar itu bertujuan mempelajari pengurusan pentadbiran di UMSKAL selain meninjau kemudahan



ZAMRI (dua kanan) dan Dr Roslan (tiga kanan) bersama pegawai Fakulti Pertanian Lestari yang melawat UMSKAL.

yang terdapat di Kampus Labuan.

“Lawatan itu sangat bermakna kerana kami dapat mempelajari sesuatu yang baru selain dapat berkongsi ilmu dan pengalaman dengan pegawai dan kakitangan UMS Labuan,” katanya.

Tambah Roslan, FPL kini mempunyai 400 pelajar dan 131 kakitangan termasuk kakitangan akademik.

Beliau yang mewakili Dekan FPL Prof Madya Dr Saafie

Salleh berkata antara tanaman yang ditanam di fakulti itu ialah durian, kelapa, kelapa sawit, tebu, getah, kopi, nenas dan kelulut.

Selain UMSKAL, pegawai FPL turut melawat Muzium Marin di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras.

Sementara itu, Zamri berkata UMSKAL mempunyai 269 kakitangan iaitu 162 kaka-

tangan pentadbiran dan 107 kakitangan akademik.

Rombongan FPL turut melawat Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), pejabat SPSM dan FKI serta Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL).

Mereka turut teruja melihat panorama pulau Labuan yang menarik dari Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL yang juga lokasi melihat anak bulan.